

**TEKS UCAPAN PELANCARAN**

**YBHG. TAN SRI MOHD ZUKI BIN ALI  
KETUA SETIAUSAHA NEGARA**

**MAJLIS PELANCARAN  
DASAR NEGARA BAGI AMALAN BAIK PERATURAN  
*(NATIONAL POLICY ON GOOD REGULATORY PRACTICE)***

**30 JULAI 2021**

## Salutasi

Yang Berbahagia Dato' Abdul Latif Haji Abu Seman  
Ketua Pengarah  
Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

Yang Berbahagia Tan Sri-Tan Sri, Dato' Sri-Dato' Sri, Datuk-Datuk  
Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan  
Tetamu Jemputan Kehormat  
Wakil-Wakil Media  
Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Hadirin Sekalian

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT, kerana dengan limpah rahmat dan kehendak-Nya jua, kita dapat berhimpun pada hari ini untuk Majlis Pelancaran Dasar Negara Bagi Amalan Baik Peraturan (*National Policy on Good Regulatory Practice – NPGRP*) yang bertemakan “*Boosting Productivity through Quality Regulation*”.
2. Tema ini menekankan kepentingan pembangunan dan pelaksanaan peraturan yang berkualiti dalam memastikan persekitaran perniagaan yang kondusif untuk pertumbuhan produktiviti dan daya saing negara. Kita sedia maklum bahawa pandemik COVID-19 telah memberi impak yang besar terhadap produktiviti negara pada tahun lepas yang mana pertumbuhan produktiviti sebanyak -5.5% telah direkodkan. Ini berlaku bukan sahaja di negara kita, malah di seluruh

dunia. Kerajaan telah mengambil langkah proaktif untuk menambahbaik ekosistem peraturan negara agar ia lebih tangkas dalam menghadapi suasana yang amat sukar ini.

3. Malaysia menyasarkan pertumbuhan ekonomi pada kadar 4.5% pada tahun ini. Justeru, amalan baik peraturan merupakan salah satu elemen penting dalam persekitaran perniagaan sebagai menyokong usaha ke arah mencapai sasaran ini.
4. Sukacita saya ingin berkongsi bahawa melalui Pekeliling Bilangan 1 Tahun 2021 bertajuk Dasar Negara Bagi Amalan Baik Peraturan (*National Policy on Good Regulatory Practice – NPGRP*) yang diluluskan oleh Jabatan Perdana Menteri pada tarikh 22 Jun 2021, arahan telah diberikan kepada semua agensi Kerajaan Persekutuan untuk mematuhi Sistem Pengurusan Proses Peraturan seperti yang telah termaktub di dalam Pekeliling ini.
5. Melalui Pekeliling ini, Kerajaan telah bersetuju dengan penambahbaikan terhadap Dasar Negara bagi Pembangunan dan Pelaksanaan Peraturan (NPDIR) di mana ia digantikan dengan Dasar Negara bagi Amalan Baik Peraturan (NPGRP). Semakan dan penambahbaikan ini dilakukan setelah lima tahun pelaksanaan NPDIR, bertepatan dengan kaedah Amalan Baik Peraturan (GRP).
6. NPGRP ini merupakan satu pencapaian besar dan satu titik tolak baharu dalam reformasi amalan peraturan yang lebih menyeluruh dan tangkas. Ia merangkumi peningkatan kualiti peraturan baharu dan peraturan sedia ada supaya penyampaian perkhidmatan sektor awam lebih cekap, berkesan dan telus.

7. Impak pelaksanaan akan meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan dan penjimatan kos pematuhan secara berterusan dan dapat mengurangkan beban peraturan yang tidak wajar kepada peniaga dan rakyat secara keseluruhannya.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

8. Garis panduan Fasa Kedua Pelan Pemulihan Negara (PPN) yang dikeluarkan baru-baru ini merupakan satu contoh pendekatan peraturan tangkas yang dilaksanakan oleh pihak Kerajaan. Dalam tempoh pemulihan negara, pendekatan secara berfasa ini amat penting untuk mengimbangi kesihatan dan kesejahteraan rakyat dengan aktiviti ekonomi yang dinamik.
9. Sehubungan dengan ini, saya menggesa kementerian dan agensi kerajaan, penggubal dan pengawal selia polisi dan peraturan untuk bertindak dengan lebih proaktif dalam membangunkan peraturan yang lebih berkualiti dan membuat semakan terhadap peraturan sedia ada agar ianya menjurus kepada kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negara.
10. Pelaksanaan NPGRP ini dilengkapi dengan Buku Panduan Amalan Baik Peraturan sebagai rujukan. Sehubungan dengan itu, saya menyeru semua kementerian dan agensi kerajaan yang berkaitan supaya menggunakan buku panduan ini dalam proses pembangunan dan penyemakan peraturan yang tangkas atau *agile regulation*.
11. Tahniah diucapkan kepada Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC), selaku Badan Pemantauan GRP negara.

12. Dengan ini, saya dengan rasminya melancarkan Dasar Negara bagi Amalan Baik Peraturan (*National Policy on Good Regulatory Practice* – NPGRP).